

NO. SOALAN: 61

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN
[BANDAR KUCHING]**

TARIKH : 26 MAC 2015 (KHAMIS)

TUAN CHONG CHIENG JEN [BANDAR KUCHING] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI,KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan kenapa harga gula yang dijual di Malaysia masih begitu mahal padahal purata harga gula antarabangsa adalah RM1.40 per kilogram dan *Long Term Contract* pembelian gula daripada pembekal gula luar negeri telah pun tamat dalam Disember 2014.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Pasaran gula antarabangsa adalah merupakan pasaran komoditi yang sangat aktif di mana pasarannya sentiasa turun dan naik setiap hari. Harga RM1.40 seperti yang diwar-warkan adalah merupakan anggaran harga yang tidak tetap. Ianya bukanlah harga akhir bagi komoditi gula tersebut kerana harga tersebut tidak termasuk kos-kos lain yang berkaitan seperti kos penghantaran dari negara pengeluar asal gula tersebut (contoh Brazil), kos penyimpanan di dalam gudang, kos pembungkusan, kos logistik dan dokumentasi serta pelbagai lagi kos-kos yang lain. Jika diambil kira kesemua kos-kos tersebut, harga gula tersebut telah jauh melebihi RM1.40 sekilogram. Jika dikaji, Malaysia mempunyai harga runcit gula yang kedua terendah di kalangan negara ASEAN selepas Thailand yang merupakan antara negara pengeluar gula terbesar.

Pada masa ini, gula tidak lagi diberikan subsidi setelah Kerajaan memutuskan untuk menarik balik pemberian subsidi gula semasa Pembentangan Bajet 2014 berkuatkuasa mulai 26 Oktober 2013.

Tuan Yang Di-Pertua,

Gula dan beras adalah merupakan sebahagian daripada bahan makanan utama yang digunakan di negara ini. Ianya dijadikan kawalan melalui Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana Kerajaan ingin mewujudkan kestabilan bekalan makanan di dalam negara. Kerajaan perlu memastikan bahan makanan ini sentiasa mencukupi bagi

keperluan rakyat pada setiap masa. Kajian yang terperinci diperlukan jika barang tersebut dicadang dikeluarkan daripada senarai barang-barang kawalan.